

Panduan untuk Pesakit dan Keluarga

Alat Pencegah Kehamilan Dalam Rahim (IUCD)

Jenis: Multi-safe CU375/375



Apakah alat pencegah kehamilan dalam rahim (IUCD)?

Alat pencegah kehamilan dalam rahim (IUCD) ialah alat plastik kecil, yang mempunyai tali di hujungnya. Ia diletakkan di dalam rahim untuk mencegah kehamilan dan berkesan selama 5 tahun.

Alat IUCD boleh dikeluarkan apabila anda memutuskan untuk merancang kehamilan.



Pemasangan IUCD

Adalah lebih baik untuk memasukkan IUCD semasa anda sedang haid. Ini kerana pada waktu itu serviks anda lebih lembut dan sedikit terbuka, menjadikan proses pemasangan lebih mudah dan kurang tidak selesa.

Semasa prosedur, doktor akan melakukan pemeriksaan faraj bagi menilaikan saiz, bentuk, dan kedudukan rahim anda. Doktor juga akan mengukur kedalaman rahim menggunakan alat khas untuk memastikan IUCD dapat dipasang dengan betul. Maklumat ini membolehkan doktor melaraskan alat pemasang sebelum IUCD dimasukkan ke dalam rahim.

Anda mungkin akan mengalami sedikit ketidakselesaan semasa prosedur, namun ia biasanya ringan dan boleh ditahan.

Apakah risiko dan komplikasi yang mungkin berlaku?



- Tiga kitaran haid pertama selepas pemasangan IUCD mungkin berbeza daripada biasa
- Haid mungkin menjadi lebih banyak disertai kekejangan serta tompokan darah sebelum dan selepas haid
- Terdapat kemungkinan kecil IUCD akan tertanggal semasa haid anda. Jika anda melihat IUCD anda pada pakaian dalam, tuala wanita, atau dalam tandas, segera buat temu janji untuk berjumpa doktor.
- Tidak seperti kondom, IUCD tidak melindungi daripada jangkitan penyakit kelamin. Penggunaan kondom boleh membantu mencegah penyebaran jangkitan.
- Dalam kes yang sangat jarang berlaku, rahim boleh mengalami kecederaan semasa proses pemasangan IUCD

Bagaimana saya tahu bahawa IUCD masih berada di tempatnya?

- Selepas setiap kitaran haid, anda perlu memeriksa tali IUCD dengan memasukkan jari yang bersih ke dalam faraj
- Elakkan daripada menarik tali tersebut kerana ini boleh mengakibatkan alat itu berganjak dari kedudukannya

Bila saya perlu mendapatkan rawatan perubatan?



- Haid tidak datang atau lewat
- Kekejangan dan sakit perut yang teruk
- Bintik-bintik darah/pendarahan yang banyak atau berpanjangan
- Lelehan faraj yang berbau busuk
- Demam
- Tali IUCD hilang

Bilakah penggantian IUCD saya seterusnya?

- IUCD anda dimasukkan pada _____
- Penggantian IUCD yang seterusnya adalah dalam masa 5 tahun

Bilakah temu janji susulan saya seterusnya?

- Doktor akan memeriksa anda pada minggu ke-6 dan bulan ke-6
- Temu janji anda yang seterusnya adalah pada _____